



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO QMS & ISMS UPM **Kali ke-15**

- 19 OGOS 2025 (SELASA)
- 9.00 PAGI
- DEWAN SENAT,
BANGUNAN CANSELORI PUTRA, UPM

[MKSP 2025]



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) & SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) UPM KALI KE-15

19 Ogos 2025 (Selasa) | 9.00 pagi | Dewan Senat, Bangunan Canselori Putra, UPM

Agenda Mesyuarat

1.0	ALUAN Pengerusi
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Minit MKSP ISO Tahun 2024 QMS & ISMS Kali Ke-14
3.0	TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS Tindakan Susulan MKSP ISO QMS & ISMS Kali Ke-14 Tahun 2024
4.0	PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO (a) Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) (b) Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
5.0	KEPUASAN PELANGGAN & MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN (a) Kepuasan Pelanggan dan Maklum balas Pihak Berkepentingan QMS (b) Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS
6.0	MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS
6.1	Pencapaian Objektif Kualiti (a) Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2024 dan Penetapan KPI 2025 (b) Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2024 (c) Pencapaian Piagam Pelanggan 2024 i. Proses Utama Universiti ii. Proses Sokongan dan Operasi Sokongan (d) Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) 2024
6.2	Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan (a) Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan QMS (b) Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan ISMS
6.3	Penemuan Audit (a) Audit SIRIM 2024 i. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) (b) Audit Dalaman 2025 i. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
6.4	Prestasi Penyedia Luar
7.0	KECUKUPAN SUMBER
7.1	Sokongan Sumber Manusia
7.2	Sokongan Sumber Kewangan
8.0	PENGURUSAN RISIKO, PENILAIAN DAN KEBERKESANAN TINDAKAN
8.1	Kebekkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko Strategik UPM
8.2	Kebekkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)
8.3	Hasil Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
9.0	PELUANG PENAMBAHBAIKAN (a) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) (b) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
10.0	HAL-HAL LAIN
11.0	KESIMPULAN



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PUTRA
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) & SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) UPM KALI KE-15

19 Ogos 2025 (Selasa) | 9.00 pagi | Dewan Senat, Bangunan Canselori Putra, UPM

Agenda Mesyuarat

1.0	ALUAN Pengerusi
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Minit MKSP ISO Tahun 2024 QMS & ISMS Kali Ke-14
3.0	TINDAKAN SUSULAN MESYUARAT LEPAS Tindakan Susulan MKSP ISO QMS & ISMS Kali Ke-14 Tahun 2024
4.0	PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO (a) Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) (b) Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
5.0	KEPUASAN PELANGGAN & MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN (a) Kepuasan Pelanggan dan Maklum balas Pihak Berkepentingan QMS (b) Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS
6.0	MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS
6.1	Pencapaian Objektif Kualiti (a) Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2024 dan Penetapan KPI 2025 (b) Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2024 (c) Pencapaian Piagam Pelanggan 2024 i. Proses Utama Universiti ii. Proses Sokongan dan Operasi Sokongan (d) Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) 2024
6.2	Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan (a) Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan QMS (b) Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan ISMS
6.3	Penemuan Audit (a) Audit SIRIM 2024 i. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) (b) Audit Dalaman 2025 i. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
6.4	Prestasi Penyedia Luar
7.0	KECUKUPAN SUMBER
7.1	Sokongan Sumber Manusia
7.2	Sokongan Sumber Kewangan
8.0	PENGURUSAN RISIKO, PENILAIAN DAN KEBERKESANAN TINDAKAN
8.1	Kebekkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko Strategik UPM
8.2	Kebekkesanan Tindakan bagi Menangani Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)
8.3	Hasil Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
9.0	PELUANG PENAMBAHBAIKAN (a) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) (b) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
10.0	HAL-HAL LAIN
11.0	KESIMPULAN

**MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM
TAHUN 2024 (KALI KE-14)
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) ISO 27001**

Tarikh : 19 September 2024 (Khamis)
Masa : 2.00 – 5.30 petang
Tempat : Dewan Senat, UPM dan menerusi Aplikasi *Google Meet*
Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
14.1	KATA ALUAN PENERUSI	
	Pengerusi:	
	(a) mengalukan kehadiran dan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2024 yang hadir secara fizikal di Dewan Senat, UPM serta atas talian melalui <i>Google Meet</i> ;	Makluman
	(b) menyentuh berkenaan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh Universiti dan menekankan keperluan kepada semua staf supaya berfikir lebih kritis, lebih kreatif dan memikirkan penambahbaikan secara berterusan yang menjadi keperluan ISO;	Makluman
	(c) menekankan tiga (3) perkara yang perlu diberi keutamaan iaitu pencapaian hasil, nilai yang dipegang serta keterangkuman (inklusiviti) di mana ia meliputi aspek kualiti secara keseluruhan dan proses audit adalah bagi memastikan ketiga-tiga elemen itu wujud;	Makluman
	(d) mengumumkan pelantikan ahli mesyuarat baharu dan ucapan terima kasih kepada ahli yang telah tamat tempoh sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 1.0 ;	Makluman
	(e) mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dengan nombor pensijilan QMS 00794 dan ISO /IEC 27001/2013 dengan nombor pensijilan ISMS 00150;	Makluman
	(f) memaklumkan UPM telah dipersijilkan dengan satu pensijilan ISO 9001 mulai tahun 2011 hingga kini manakala pensijilan ISMS mulai 2012 dan UPM komited untuk mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2024;	Makluman
	(g) memaklumkan berkenaan skop pensijilan UPM iaitu:	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	i. <u>Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti:</u> “Perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat”. Skop Sistem Pengurusan Kualiti yang merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswazah (kecuali pra persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, dan perkhidmatan sokongan. ii. <u>Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat:</u> 1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran hingga Pendaftaran Kolej Kediaman. 2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti. Kecuali: Pendaftaran kursus dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk: (a) Pengajian Jarak Jauh; (b) Program untuk Eksekutif; dan (c) Antarabangsa 3) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah Merangkumi Aktiviti Penerimaan Tawaran Sehingga Pengesahan Pendaftaran. Pengecualian skop pensijilan ISMS Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah adalah kepada proses pendaftaran pelajar baharu siswazah untuk: i. Pengajian Jarak Jauh; dan ii. <i>Non Graduating Program</i> (h) memaklumkan berdasarkan semakan semula selepas tempoh 5 tahun adalah didapati Pernyataan Dasar Sistem Pengurusan Kualiti dan Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 10 Disember 2019 adalah masih relevan dan sesuai dengan keperluan Standard ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013. Pengerusi memaklumkan bahawa LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar. (i) memaklumkan berkaitan pelaksanaan MKSP adalah keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 Klausa 9.3 yang perlu dilaksana sebelum Audit Badan Pensijilan yang mana sekiranya tidak dilaksana akan mendapat laporan ketakakuran (NCR). (j) mengimbas semula keahlian, terma rujukan (TOR) dan kekerapan pelaksanaan MKSP sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 1.0.	Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
14.2	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan QMS dan ISMS tahun 2023 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman
14.3	TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS Mesyuarat mengambil maklum terdapat sebanyak 25 tindakan susulan MKSP ISO QMS dan ISMS Tahun 2023 dan sebanyak 18 perkara telah diambil tindakan oleh peneraju. Keterangan lanjut sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 3.0 . Mesyuarat memfokuskan kepada 7 perkara berikut: (a) <u>Minit 13.1(a)</u> – Mesyuarat mengambil maklum berkenaan tindakan susulan dari mesyuarat lepas yang melibatkan isu keselamatan maklumat/data iaitu risiko banjir di kawasan pusat data utama. Pihak iDEC telah mengambil langkah proaktif pelan mitigasi bagi menangani masalah ini dan isu banjir tidak lagi menjadi ancaman besar setelah selesai projek pembangunan sekitar UPM; (b) <u>Minit 13.1 (b)</u> – Mesyuarat mengambil maklum integrasi Sistem SMP 4.0 (Prasiswazah) dan iGIMS (Siswazah) sedang dalam proses pemantauan Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa yang sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak iDEC bagi memastikan keperluan setiap proses diambil kira; (c) <u>Minit 13.1 (e)</u> – Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian bahawa peneraju KPI Visibiliti Pertanian tidak lagi Fakulti Pertanian dan Universiti telah melancarkan Pertanian Untuk Rakyat/PUTRA dan agenda keterjaminan makanan dalam kerangka <i>True North</i> yang akan membantu Universiti mencapai hasrat visibiliti pertanian. Manakala untuk projek ' <i>Sensory Garder</i> ' pula Fakulti Pertanian sedang meneliti cadangan yang dikemukakan oleh syarikat luar yang berminat untuk membangunkan taman tersebut; (d) <u>Minit 13.1 (f)</u> – Mesyuarat mengambil maklum penggabungan pelaksanaan skop Prasiswazah dan Siswazah tidak dapat dilaksanakan kerana perbezaan proses antara keduanya. Walau bagaimanapun mesyuarat berpandangan bagi memantapkan pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti perlu ada satu pihak yang melihat secara keseluruhan proses Prasiswazah dan Siswazah iaitu Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik yang sekarang ini dipertanggungjawabkan kepada En. Mohd Nazri Md Yasin sebagai Timbalan Wakil Pengurusan (Peneraju Proses) yang berperanan untuk melihat proses utama kedua-dua entiti secara bersepadu; (e) <u>Minit 13.1.(i)</u> – Mesyuarat dimaklumkan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) telah melihat demo sistem PutraHIS HSAAS dan bersetuju untuk membangunkan sistem yang sama di PKU dengan bantuan penempatan Pegawai Teknologi Maklumat di PKU, namun maklumbalas Pengarah iDEC adalah tiada keperluan buat masa sekarang untuk menempatkan Pegawai Teknologi Maklumat di PKU dan diganti dengan kaedah di mana Pegawai Teknologi Maklumat akan membantu pembangunan pra keperluan sistem tanpa melibatkan perpindahan pegawai. Mesyuarat meminta perkara ini dibawa semula untuk pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU);	Makluman Makluman Makluman Makluman TWP PP TNCAA TWP PTJ PKU


MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(f) <u>Minit 13.1 (j)</u> – Mesyuarat mengambil maklum bahawa satu <i>Taskforce</i> Jaminan Kualiti telah ditubuhkan dan telah mempunyai beberapa pelan tindakan termasuklah: i) membangunkan Kerangka Jaminan Kualiti dengan mengambilkira pencapaian petunjuk prestasi, keberhasilan serta cabaran yang dihadapi dalam memastikan pembudayaan kualiti cemerlang; ii) meneliti keperluan bagi pengecilan skop Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dengan mengambilkira hasil dapatan audit dan pengecilan ini perlu mempunyai strategi pertengahan dan strategi jangka panjang dalam memastikan ia masih relevan dengan keperluan semasa UPM; (g) <u>Minit 13.10</u> – Mesyuarat mengambil maklum bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko telah distruktur semula di mana ia sebahagian dari penambahbaikan tatakelola Lembaga Pengarah Universiti. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti yang dipengerusikan oleh Y.Bhg Naib Canselor telah bersidang untuk kali pertama pada 19 Ogos 2024 dan akan ada kaedah yang lebih berstruktur untuk mesyuarat seterusnya.	Makluman Makluman
14.4	PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO 14.4.1 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). Mesyuarat: (a) mengambil maklum UPM perlu menentukan isu luaran dan dalaman yang relevan untuk mencapai hasil yang dihasratkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti serta perlu dipantau dan dikaji maklumat isu ini sebagaimana keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 Klausula 4.1, Memahami Organisasi dan Konteksnya. (b) mengambil maklum keperluan pelaporan perubahan isu dalaman dan luaran yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti adalah bagi mematuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 Klausula 9.3.2, Input Kajian Semula Pengurusan. (c) mengambil perhatian jumlah pernyataan isu keseluruhan di UPM pada tahun 2024 adalah sebanyak 397 isu. Pecahan isu mengikut kategori PTJ adalah sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). (d) mengambil perhatian PTJ telah mengenal pasti isu yang relevan dengan fungsi/skop PTJ masing-masing pada setiap	Makluman Makluman Makluman Makluman


MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	tahun. Tindakan yang diambil oleh PTJ ke atas pernyataan isu luaran dan dalaman adalah seperti berikut: i. Gugur/Hapus, bagi isu luaran dan dalaman : a. Tahap penilaian risiko adalah 'Rendah' selama 2 tahun berturut-turut boleh digugurkan pada tahun berikutnya jika tidak lagi memberi impak kepada PTJ; b. Tidak relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab. ii. Kekal, bagi isu luaran dan dalaman: a. Tahap penilaian risiko 'Rendah' dengan tindakan sedia ada yang terkawal dan masih dalam tempoh pemantauan 2 tahun atau lebih jika masih relevan dengan PTJ; b. Tahap penilaian risiko 'Sederhana' dan 'Tinggi', dengan kawalan sedia ada dan strategi tindakan yang masih relevan dan dalam tempoh tindakan pelaksanaan. iii. Tambah/baharu, bagi isu luaran dan dalaman baharu dikenal pasti yang relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab berdasarkan isu/situasi semasa. (e) mengambil perhatian sebanyak 69 isu baharu dan 328 isu sedia ada (isu tahun 2023 yang dikenal pasti dan disenaraikan semula tahun 2024). Pecahan isu berdasarkan kategori fungsian/operasi ditunjukkan dalam graf sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). (f) mengambil maklum perbandingan isu luaran dan dalaman antara tahun 2023 dan tahun 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak 19 pernyataan isu dalaman dan peningkatan sebanyak 3 pernyataan isu luaran. Mesyuarat juga dimaklumkan semua pernyataan isu luaran dan dalaman yang dikenal pasti oleh PTJ, telah dibincang dan disahkan di peringkat pengurusan PTJ masing-masing. 14.4.2 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Mesyuarat: (a) mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang relevan dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah seperti pada Lampiran Kertas Agenda 4.0(b) yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS. Pelaporan ini merupakan input maklum balas prestasi keselamatan maklumat sebagaimana keperluan yang dinyatakan dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 di bawah Klausula 9.3 (b) <i>berhubung perubahan dalam isu luaran dan dalaman yang berkaitan dengan sistem pengurusan keselamatan maklumat.</i>	Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(b) mengambil maklum isu dalaman dan luaran yang relevan dengan pelaksanaan ISMS telah dinyatakan dalam Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM yang telah dikemaskini pada 3 Mei 2024 yang mana perinciannya boleh dirujuk melalui Portal Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM.	Makluman
	(c) mengambil maklum melalui pembentangan laporan iaitu terdapat 10 isu luaran dan 12 isu dalaman yang telah dikenal pasti untuk 2023 dan perkara ini telah dibincangkan dan disahkan di peringkat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM. Pecahan mengikut Pasukan ISMS adalah seperti berikut: i. Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) sebanyak dua (2) isu luaran, tiga (3) isu dalaman; ii. Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu) sebanyak empat (4) isu luaran, dua (2) isu dalaman; iii. Pasukan Pusat Data sebanyak satu (1) isu luaran, tiga (3) isu dalaman; iv. Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti sebanyak satu (1) isu dalaman sahaja; dan v. Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah sebanyak tiga (3) isu luaran, tiga (3) isu dalaman.	Makluman
	(d) mengambil maklum berhubung pecahan kategori utama bagi isu luaran dan dalaman ISMS tahun 2023 yang direkodkan adalah: • Infrastruktur/persekitaran sebanyak lima (5) isu; • Teknologi maklumat dan komunikasi sebanyak 13 isu; • Lain-lain isu sebanyak empat (4) isu.	Makluman
	(e) mengambil perhatian antara isu yang terlibat dengan pelaksanaan ISMS adalah seperti berikut: • Gangguan sistem semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan siswazah dan semasa pelaksanaan penilaian pengajaran prasiswazah (SMP, eDaftar, iGIMS, PutraENROLL, BlastTA) (27%); • Lain-lain isu seperti data yang diinput pelajar tidak tepat dalam Sistem eDaftar dan pengguna tidak mematuhi kriteria keperluan Sistem eDaftar dan PutraENROLL (18%); • Gangguan internet semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan siswazah (13%); • Gangguan elektrik semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah dan siswazah (13%); • Ketiadaan liputan internet di kawasan pendalaman (13%); dan • Ancaman serangan siber (13%).	Makluman
	(f) mengambil maklum isu luaran dan dalaman mengikut pasukan ISMS akan dikemaskini selaras dengan peralihan	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN																																																												
	standard baharu Sistem Pengurusan Keselamatan (ISMS) ISO/IEC 27001:2022 yang akan berkuat kuasa pada tahun 2025. (g) mengambil maklum isu luaran dan dalaman yang dikenal pasti oleh setiap Pasukan ISMS beserta kawalan risiko yang berkaitan adalah dipantau secara berkala di peringkat Jawatankuasa Kerja ISMS UPM.	Makluman Makluman																																																												
14.5	KEPUASAN PELANGGAN DAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN 14.5.1 Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS Mesyuarat mengambil perhatian laporan maklum balas kepuasan pelanggan dan maklum balas pihak berkepentingan QMS yang dibentangkan sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 5(a) seperti berikut: (a) maklum balas menerusi Sistem U-RESPON bagi tempoh tiga tahun adalah seperti berikut: PERBANDINGAN JUMLAH MAKLUM BALAS BAGI TEMPOH 3 TAHUN (2021-2023) MENGIKUT KATEGORI <table><thead><tr><th>Kategori</th><th>2021</th><th>2022</th><th>2023</th></tr></thead><tbody><tr><td>ADUAN</td><td>15</td><td>84</td><td>148</td></tr><tr><td>CADANGAN</td><td>6</td><td>12</td><td>27</td></tr><tr><td>PENGHARGAAN</td><td>0</td><td>9</td><td>13</td></tr><tr><td>PERTANYAAN</td><td>4</td><td>130</td><td>255</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>25</td><td>235</td><td>444</td></tr></tbody></table> (b) maklum balas menerusi Sistem U-RESPON bagi tahun 2023 merekodkan sebanyak 444 maklum balas yang merangkumi 148 aduan, 27 cadangan, 13 penghargaan dan 255 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu staf UPM, pelajar, orang awam, dan pembekal dengan pecahan seperti berikut; MAKLUM BALAS PELANGGAN 2023 <table><thead><tr><th>Kategori</th><th>STAF</th><th>PELAJAR</th><th>ORANG AWAM</th><th>PEMBEKAL</th><th>KESELURUHAN</th></tr></thead><tbody><tr><td>ADUAN</td><td>45</td><td>57</td><td>46</td><td>1</td><td>148</td></tr><tr><td>CADANGAN</td><td>4</td><td>6</td><td>17</td><td>0</td><td>27</td></tr><tr><td>PENGHARGAAN</td><td>2</td><td>1</td><td>10</td><td>0</td><td>13</td></tr><tr><td>PERTANYAAN</td><td>7</td><td>74</td><td>168</td><td>6</td><td>255</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>58</td><td>138</td><td>241</td><td>7</td><td>444</td></tr></tbody></table> Pemberi Maklum Balas / Pengadu/ Responden	Kategori	2021	2022	2023	ADUAN	15	84	148	CADANGAN	6	12	27	PENGHARGAAN	0	9	13	PERTANYAAN	4	130	255	JUMLAH	25	235	444	Kategori	STAF	PELAJAR	ORANG AWAM	PEMBEKAL	KESELURUHAN	ADUAN	45	57	46	1	148	CADANGAN	4	6	17	0	27	PENGHARGAAN	2	1	10	0	13	PERTANYAAN	7	74	168	6	255	JUMLAH	58	138	241	7	444	Makluman Makluman
Kategori	2021	2022	2023																																																											
ADUAN	15	84	148																																																											
CADANGAN	6	12	27																																																											
PENGHARGAAN	0	9	13																																																											
PERTANYAAN	4	130	255																																																											
JUMLAH	25	235	444																																																											
Kategori	STAF	PELAJAR	ORANG AWAM	PEMBEKAL	KESELURUHAN																																																									
ADUAN	45	57	46	1	148																																																									
CADANGAN	4	6	17	0	27																																																									
PENGHARGAAN	2	1	10	0	13																																																									
PERTANYAAN	7	74	168	6	255																																																									
JUMLAH	58	138	241	7	444																																																									

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN																																				
	(c) Mengambil maklum rumusan pengurusan maklum balas pelanggan bagi tahun 2023 adalah seperti berikut: ✓ 91.22% (405/444) maklum balas dapat DISELESAIKAN bagi tahun 2023 ✓ 8.79% (39/444) maklum balas masih dalam proses TINDAKAN PENGESAHAN UNTUK DITUTUP ✓ Kategori respon yang paling banyak diterima adalah PERTANYAAN 57.43% (255/444) ✓ Responden yang paling tinggi adalah ORANG AWAM 37.83% (168/444)	Makluman																																				
	(d) maklumbalas menerusi Sistem U-RESPON bagi tahun 2024 merekodkan sebanyak 465 maklum balas yang merangkumi 114 aduan, 21 cadangan, 22 penghargaan dan 308 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu staf UPM, pelajar, orang awam dan pembekal bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2024 dengan pecahan seperti gambarajah di bawah; MAKLUM BALAS BAGI TEMPOH 1 JAN – 31 OGOS 2024 <table><tr><th></th><th>STAF</th><th>PELAJAR</th><th>ORANG AWAM</th><th>PEMBEKAL</th><th>KESELURUHAN</th></tr><tr><td>ADUAN</td><td>20</td><td>35</td><td>58</td><td>1</td><td>114</td></tr><tr><td>CADANGAN</td><td>11</td><td>2</td><td>6</td><td>2</td><td>21</td></tr><tr><td>PENGHARGAAN</td><td>10</td><td>3</td><td>9</td><td>0</td><td>22</td></tr><tr><td>PERTANYAAN</td><td>10</td><td>95</td><td>196</td><td>7</td><td>308</td></tr><tr><td>JUMLAH</td><td>51</td><td>135</td><td>269</td><td>10</td><td>465</td></tr></table> Pemberi Maklum Balas / Pengadu / Responden		STAF	PELAJAR	ORANG AWAM	PEMBEKAL	KESELURUHAN	ADUAN	20	35	58	1	114	CADANGAN	11	2	6	2	21	PENGHARGAAN	10	3	9	0	22	PERTANYAAN	10	95	196	7	308	JUMLAH	51	135	269	10	465	Makluman
	STAF	PELAJAR	ORANG AWAM	PEMBEKAL	KESELURUHAN																																	
ADUAN	20	35	58	1	114																																	
CADANGAN	11	2	6	2	21																																	
PENGHARGAAN	10	3	9	0	22																																	
PERTANYAAN	10	95	196	7	308																																	
JUMLAH	51	135	269	10	465																																	
	(e) mengambil maklum untuk maklum balas pelanggan tahun 2024 pecahan maklum balas yang banyak diterima adalah seperti berikut: ✓ Prasiswazah: Kemasukan & Permohonan Transkrip ✓ Siswazah: Permohonan Kemasukan ✓ Penyelidikan & Inovasi: Geran penyelidikan ✓ Perkhidmatan Sokongan: Perkhidmatan HSAAS, Perjawatan, Kewangan ✓ Lain-lain: Latihan anjuran UPM, Pembelian Benih Pokok, Kolej Kediaman, Baik pulih Fasiliti	Makluman																																				
	(f) mengambil perhatian akan status tindakan yang masih belum diambil tindakan bagi tahun 2024 dan meminta pusat tanggungjawab (PTJ) mengambil tindakan sewajarnya;	PTJ terlibat																																				

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	 2023 Dalam Proses (39) HSAAS (25) FPV (7) UPMKB (4) OSH (1) CQA (1) CADe-Lead (1) Belum diambil tindakan (0) 2024 Dalam proses (85) Bhg. Kemasukan & Bhg. Urus Tadbir Akademik (27) HSAAS (24) UPMKB (11) Akademik Sukan (3) PPP (3) Pej Pendaftaran (2) PSAS (2) CQA (2) CEM (2) FHAS (2) IBS (1) IKP (1) IPSAS (1) INTROP (1) KC (1) PSPK (1) OSH (1) Pusat Islam (1) Belum diambil tindakan (20) WAZAN (3) SGS (3) Bhg. Kemasukan & Bhg. Urus Tadbir Akademik (1) FHAS (1) FRSB (1) HSAAS (1) i-AQUAS (1) ION2 (1) K-14 (1) KPZ (1) KMB (1) Pej TNCPI (1) Pusat Asasi Sains UPM (1) UCTC (1) (g) mengambil maklum mengenai satu lagi sistem di bawah Biro Pengaduan Awam di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) yang berkuatkuasa 1 Julai 2024 di mana Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) diberikan akses sepenuhnya sebagai pentadbir oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menguruskan maklum balas aduan secara terus dalam sistem tersebut; (h) mengambil maklum maklum balas serta perbandingan aduan yang diterima untuk tahun 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:  (i) mengambil maklum untuk tahun 2024 aduan yang diterima melalui SiSPAA adalah sebanyak 16 di mana aduan berkaitan dengan tindakan tidak adil adalah tertinggi iaitu sebanyak 10 aduan. Pecahan aduan adalah seperti berikut:	Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN																				
	MAKLUM BALAS DITERIMA DARI SISPAABAGI TAHUN 2024 <table><thead><tr><th>Kategori</th><th>Jumlah</th></tr></thead><tbody><tr><td>Pelbagai aduan</td><td>2</td></tr><tr><td>Kekurangan kemudahan awam</td><td>0</td></tr><tr><td>Pengurusan & pentadbiran</td><td>2</td></tr><tr><td>Kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan</td><td>2</td></tr><tr><td>Salahguna kuasa/ penyelewengan</td><td>0</td></tr><tr><td>Salahlaku anggota awam</td><td>0</td></tr><tr><td>Penggilan lewat/ tidak jawab</td><td>0</td></tr><tr><td>Tindakan tidak adil</td><td>10</td></tr><tr><td>Kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk kaunter & telefon</td><td>0</td></tr></tbody></table> TOTAL: 1 JAN - 31 OGOS 2024: Aduan (16)	Kategori	Jumlah	Pelbagai aduan	2	Kekurangan kemudahan awam	0	Pengurusan & pentadbiran	2	Kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan	2	Salahguna kuasa/ penyelewengan	0	Salahlaku anggota awam	0	Penggilan lewat/ tidak jawab	0	Tindakan tidak adil	10	Kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk kaunter & telefon	0	
Kategori	Jumlah																					
Pelbagai aduan	2																					
Kekurangan kemudahan awam	0																					
Pengurusan & pentadbiran	2																					
Kegagalan mengikut prosedur yang ditetapkan	2																					
Salahguna kuasa/ penyelewengan	0																					
Salahlaku anggota awam	0																					
Penggilan lewat/ tidak jawab	0																					
Tindakan tidak adil	10																					
Kualiti perkhidmatan yang tidak memuaskan termasuk kaunter & telefon	0																					
	(j) mesyuarat mengambil maklum kajian kepuasan pelanggan adalah berdasarkan skop QMS iaitu skop pengajaran dan pebelajaran, skop jaringan industri dan masyarakat, skop Penyelidikan dan Inovasi dan skop perkhidmatan sokongan. Untuk tahun 2024 kajian ini masih dalam proses tindakan;	Makluman																				
	(k) mesyuarat mengambil maklum untuk tahun 2023 bagi skop pengajaran dan pembelajaran, analisis pencapaian kajian kepuasan pelanggan dari persepsi pelajar adalah 3.21 dari skala 5.00 di mana 68.875 responden memilih pada skala 4.00 ke atas manakala 31.13% memilih skala 3.00 ke bawah;	Makluman																				
	(l) mesyuarat mengambil perhatian soalan yang mendapat Min tertinggi (4.29) adalah "secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan 'tempoh menunggu' di antara tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh viva yang ditetapkan (siswazah)" di mana mesyuarat memerlukan jumlah responden yang menjawab soalan tersebut. Mesyuarat bersetuju dapatan hasil kajian perlu dibentang dan dibincangkan dalam satu platform mesyuarat yang lain supaya hasil kajian ini dapat diteliti dan tindakan penambahbaikan dapat diambil oleh peneraju-peneraju yang berkenaan;	PKPU																				
	(m) mesyuarat mengambil maklum dapatan hasil kajian untuk skop penyelidikan dan Inovasi sebanyak 41% responden menyatakan bahawa sistem PRIMIS di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) adalah tidak stabil dan pihak RMC sedang mengambil langkah mengatur strategi mengatasi perkara ini;	Makluman																				
	(n) mesyuarat mengambil maklum dapatan hasil kajian bagi skop Penyelidikan dan Inovasi (Pengkomersilan) pula majoriti responden bersetuju agar UPM mempunyai Technology Transfer Officer (TTO) yang bertanggungjawab secara langsung memasarkan dan menguruskan aktiviti pengkomersilan sesuatu produk. Berdasarkan analisis tersebut pihak Putra Sciebee Park (PSP) sedang mengatur strategi bagimeningkatkan lagi tahap kompeten dan kemahiran pegawai yang bertanggungjawab di Seksyen Pemindahan Teknologi dan Pengkomersilan serta pegawai di Seksyen Promosi dan Pemasaran Inovasi;	Makluman																				

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(o) mesyuarat mengambil maklum dapatan hasil kajian bagi skop jaringan industri dan masyarakat (industri) kesemua 9 soalan mendapat purata 4.00 ke atas (91.3%) iaitu mencapai sasaran yang ditetapkan manakala untuk skop Jaringan Industri dan Masyarakat (Komuniti) pula kesemua 10 soalan mendapat purata 4.00 ke atas (97.1%) iaitu mencapai tahap yang disasarkan; (p) mesyuarat meminta supaya peneraju yang mendapat purata Min yang rendah atau mempunyai isu yang memerlukan tindakan supaya dapat mengemukakan isu ini kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti. 14.5.2 Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS Mesyuarat mengambil maklum laporan maklumbalas pihak berkepentingan ISMS tahun 2023/2024 yang dibentangkan oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS sebagaimana perincian pada Lampiran Kertas Agenda 5.0 (b) seperti berikut; (a) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan semester 2023/2024 Kampus Serdang dan Bintulu, melalui pautan yang diletakkan di dalam komputer riba atau menggunakan QR code penilaian di setiap kaunter penilaian ISMS zon pendaftaran yang melibatkan seramai 3,355 responden yang mendaftar di sepuluh kolej kediaman iaitu 67.7% responden perempuan dan 32.3% responden lelaki iaitu soal selidik dan pengukuran menggunakan skala likert 1 hingga 5; (b) Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik adalah sebanyak 93.6% berbanding 92.2% pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 1.4%. (c) Hasil laporan analisis soal selidik mendapati 97.9% pelajar baharu yang mendaftar berpuas hati pada skala 4.00 sehingga 5.00 bagi soalan 1-6 berdasarkan perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran. Ia membuktikan pelajar baharu UPM sesi 2022/2023 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia (sasaran adalah 80%); (d) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah ambilan program Diploma dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan semester 2023/2024 Kampus Bintulu, yang melibatkan seramai 191 responden iaitu 59.7% responden perempuan dan 40.3% responden lelaki iaitu soal selidik melalui pautan yang diletakkan di dalam komputer riba atau menggunakan QR code di setiap kaunter penilaian ISMS zon pendaftaran. Respon adalah berdasarkan tahap kepuasan menggunakan skala likert 1 hingga 5;	Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman

	(e) Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 97.0% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu program Diploma (Bintulu) UPM sesi 2022/2023 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia (sasaran adalah 80%);	Makluman																																							
	(f) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah ambilan program Diploma dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan semester 2024/2025 Kampus Bintulu, yang melibatkan seramai 271 responden iaitu 52.0% responden perempuan dan 48.0% responden lelaki iaitu soal selidik melalui pautan yang diletakkan di dalam komputer riba atau menggunakan QR code di setiap kaunter penilaian ISMS zon pendaftaran. Respon adalah berdasarkan tahap kepuasan menggunakan skala likert 1 hingga 5;	Makluman																																							
	(g) Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 93.0% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu program Diploma dan persediaan Diploma Sains (Bintulu) UPM sesi 2024/2025 berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia (sasaran adalah 80%);	Makluman																																							
	(h) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Semester Kedua Sesi 2022/2023 telah dilaksanakan pada 17 Julai hingga 30 Ogos 2023 (Diploma). Ia dilaksanakan secara atas talian menggunakan aplikasi <i>Google Form</i>. Jumlah responden adalah seramai 3940 merangkumi 382 orang pelajar Diploma dan 3558 pelajar Bachelors;	Makluman																																							
	(i) Secara keseluruhan , 82.01% (n=3231) pelajar memberikan penilaian antara skor baik dan cemerlang iaitu min 4.00-5.00 terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM, manakala 17.99% (n=709) memberikan penilaian kurang dari 4.00 seperti rajah: Jadual 1: Pencapaian tahap keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM <table><tr><th rowspan="2">Bil</th><th rowspan="2">Julat skor (min)</th><th rowspan="2">Tahap pencapaian</th><th colspan="3">Frekuensi</th></tr><tr><th>Bil.</th><th>Peratus</th><th>Peratus</th></tr><tr><td>1</td><td><3.50</td><td>Tidak memuaskan</td><td>57</td><td>1.44</td><td>17.99</td></tr><tr><td>2</td><td>3.50 - 3.99</td><td>Sederhana</td><td>652</td><td>16.53</td><td></td></tr><tr><td>3</td><td>4.00 - 4.49</td><td>Baik</td><td>1,702</td><td>43.27</td><td>82.01</td></tr><tr><td>4</td><td>4.50 - 5.00</td><td>Cemerlang</td><td>1,529</td><td>38.76</td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td>Jumlah</td><td>3940</td><td></td><td>100.0</td></tr></table> Ini menunjukkan pelajar yakin dengan tahap keselamatan maklumat di UPM.	Bil	Julat skor (min)	Tahap pencapaian	Frekuensi			Bil.	Peratus	Peratus	1	<3.50	Tidak memuaskan	57	1.44	17.99	2	3.50 - 3.99	Sederhana	652	16.53		3	4.00 - 4.49	Baik	1,702	43.27	82.01	4	4.50 - 5.00	Cemerlang	1,529	38.76				Jumlah	3940		100.0	Makluman
Bil	Julat skor (min)				Tahap pencapaian	Frekuensi																																			
		Bil.	Peratus	Peratus																																					
1	<3.50	Tidak memuaskan	57	1.44	17.99																																				
2	3.50 - 3.99	Sederhana	652	16.53																																					
3	4.00 - 4.49	Baik	1,702	43.27	82.01																																				
4	4.50 - 5.00	Cemerlang	1,529	38.76																																					
		Jumlah	3940		100.0																																				
	(j) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah Semester Pertama 2023/2024, yang melibatkan seramai 1599 responden iaitu 67.0% responden perempuan dan 33.0% responden lelaki iaitu soal selidik melalui pop up sejurus pelajar log masuk sistem Portal IGIMS Pelajar. Respon adalah berdasarkan tahap kepuasan menggunakan skala likert 1 hingga 5;	Makluman																																							
	(k) Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ISMS adalah sebanyak 71.4%;	Makluman																																							

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(l) Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 86% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu Siswazah UPM semester Pertama 2023/2024 berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu siswazah di Universiti Putra Malaysia;	Makluman
	(m) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah Trimester Kedua 2023/2024, melibatkan seramai 211 responden iaitu 66.0% responden perempuan dan 33.0% responden lelaki. Respon adalah berdasarkan tahap kepuasan menggunakan skala likert 1 hingga 5;	Makluman
	(n) Rumusan hasil soal selidik pendaftaran pelajar Siswazah Trimester Kedua 2023/2024 menunjukkan skala Likert jawapan yang diberikan oleh responden adalah mencapai min yang tinggi(4.7) berdasarkan soalan 1 hingga 6. Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 89% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu Siswazah UPM semester Pertama 2023/2024 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu siswazah di Universiti Putra Malaysia;	Makluman
	(o) Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah bagi Semester Kedua 2023/2024, Trimester Ketiga 2023/2024 dan Sesi Pertama 2024/2025 melibatkan seramai 1069 bilangan responden;	Makluman
	(p) Rumusan hasil soal selidik pendaftaran pelajar Siswazah sesi Semester Kedua 2023/2024, Sesi Trimester Ketiga 2023/2024 dan Sesi Pertama 2024/2025 menunjukkan skala liekert jawapan yang diberikan oleh responden adalah mencapai min yang tinggi (4.6) berdasarkan soalan 1 hingga 6. Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan 88% menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu Siswazah UPM pada tiga kemasukan iaitu Semester Kedua 2023/2024, Sesi Trimester Ketiga 2023/2024 dan Sesi Pertama 2024/2025 berpuashati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu siswazah di Universiti Putra Malaysia.	Makluman
14.6	MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS 14.6.1 Pencapaian Objektif Kualiti Mesyuarat mengambil maklum:	
	(a) Objektif Kualiti merupakan keperluan Standard ISO 9001:2015 di bawah Klausa 6.2.1. Objektif Kualiti UPM terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, pencapaian Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan (terdiri daripada proses utama Universiti, proses sokongan dan operasi perkhidmatan sokongan).	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN																				
	(b) Penyediaan Objektif Kualiti ini menunjukkan kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan sebagaimana klausa 5.1. 14.6.1.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2023 dan Penetapan KPI 2024 Mesyuarat mengambil maklum pembentangan laporan pencapaian KPI sukuan keempat (Q4) 2023 dan penetapan KPI 2024 sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 6.1 (a) seperti berikut; (a) mengambil maklum KPI UPM tahun 2023 kesemuanya adalah sebanyak 50 dan pencapaian KPI secara keseluruhan adalah sebanyak 93.34% iaitu pada tahap hijau, daripada 50 KPI, sebanyak 30 telah mencapai 100% ,9 KPI pada tahap kuning antara 75%-99% dan 10 KPI bawah 74%, manakala 1 KPI belum dinilai; PENCAPAIAN KESELURUHAN KPI Q4 2023 KOD WARNA MARKAH BAGI KESELURUHAN KPI (GAUGE) ≥80% 75% - 60% 59% - 0 93.34 Q3 2023: 83.21% KOD WARNA PENCAPAIAN BAGI KPI 100% 99% - 75% 74% - 0 Capai 100% 30 KPI Tidak capai >75% 9 KPI Tidak capai <75% 10 KPI Belum Dinilai 1 KPI (b) mengambil maklum pencapaian KPI Q4 mengikut skop pada tahun 2023 adalah seperti berikut: <table><thead><tr><th>SKOP</th><th>% PENCAPAIAN</th></tr></thead><tbody><tr><td>Akademik & Antarabangsa</td><td>99.70</td></tr><tr><td>Penyelidikan & Inovasi</td><td>81.80</td></tr><tr><td>Hal Ehwal Pelajar & Alumni</td><td>100.00</td></tr><tr><td>Jaringan Industri & Masyarakat</td><td>100.00</td></tr><tr><td>Pertanian</td><td>98.80</td></tr><tr><td>Sumber Manusia</td><td>87.96</td></tr><tr><td>Pengurusan Kewangan & Aset</td><td>89.60</td></tr><tr><td>Kemampuan Kewangan</td><td>76.75</td></tr><tr><td>Perkhidmatan Perpustakaan & ICT</td><td>94.44</td></tr></tbody></table> b. mengambil maklum peneraju-peneraju KPI yang tidak mencapai sasaran tahun 2023 telah mengambil tindakan dan inisiatif untuk meningkatkan pencapaian KPI tahun 2024; c. bagi penetapan KPI 2024, satu bengkel Mega Penetapan KPI telah diadakan di mana peneraju-peneraju telah melakukan perubahan terhadap KPI tahun 2023;	SKOP	% PENCAPAIAN	Akademik & Antarabangsa	99.70	Penyelidikan & Inovasi	81.80	Hal Ehwal Pelajar & Alumni	100.00	Jaringan Industri & Masyarakat	100.00	Pertanian	98.80	Sumber Manusia	87.96	Pengurusan Kewangan & Aset	89.60	Kemampuan Kewangan	76.75	Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	94.44	Makluman Makluman Makluman
SKOP	% PENCAPAIAN																					
Akademik & Antarabangsa	99.70																					
Penyelidikan & Inovasi	81.80																					
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	100.00																					
Jaringan Industri & Masyarakat	100.00																					
Pertanian	98.80																					
Sumber Manusia	87.96																					
Pengurusan Kewangan & Aset	89.60																					
Kemampuan Kewangan	76.75																					
Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	94.44																					

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	d. bagi peneraju Pertanian, untuk tahun 2023 diterajui oleh Fakulti Pertanian tetapi untuk tahun 2024, peneraju Pertanian telah diletakkan di bawah beberapa Timbalan Naib Canselor tetapi peneraju utama adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); e. Penetapan KPI 2024 adalah hasil dari Bengkel Mega Penetapan KPI UPM 2024 yang telah diadakan pada 20 April 2024. Hasil bengkel tersebut, terdapat perubahan serta penambahbaikan terhadap KPI yang menjadikan jumlah semua KPI adalah sebanyak 82 KPI;	Makluman Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	g. KPI tahun ini lebih menyeluruh berdasarkan perubahan-perubahan dan yang telah dilakukan dan pengukuran KPI tidak hanya berdasarkan nombor tetapi impak penambahbaikan atau keberhasilan. 14.6.1.2 Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2023 Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2023 yang dibentangkan oleh Wakil Pengurusan UPM serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum sebanyak 76 petunjuk prestasi telah diukur pada tahun 2023 dengan pecahan seperti berikut: • tiga (3) objektif bagi skop proses prauniversiti; • 11 objektif bagi skop proses utama; • 11 objektif bagi skop proses sokongan; dan • 51 objektif bagi skop proses operasi perkhidmatan sokongan. (b) mengambil maklum ringkasan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2023 adalah seperti berikut: • secara keseluruhan, 64 petunjuk prestasi mencapai sasaran (84.21%) dan 10 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran (13.16%) dan dua (2) petunjuk tidak diukur pada tahun semasa (2.63%); dan • perincian pencapaian mengikut skop proses iaitu proses prauniversiti dan proses utama masing-masing 100% manakala proses sokongan sebanyak 72.73% dan proses operasi perkhidmatan sokongan sebanyak 82.35%. (c) mengambil maklum perincian pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2023 mengikut skop dan peneraju proses adalah sebagai mana di Lampiran Kertas Agenda 6.1(b).	Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(d) mengambil maklum 10 petunjuk prestasi tahun 2023 yang tidak mencapai sasaran telah dilaksanakan tindakan pembetulan oleh peneraju proses yang terlibat dan dan pecahan ketidakcapaian mengikut skop adalah tiga (3) petunjuk prestasi skop sokongan dan tujuh (7) petunjuk prestasi skop proses operasi perkhidmatan. Peneraju proses yang terlibat turut memantau keberkesanan tindakan dan penilaian bagi tindakan pembetulan tersebut dan akan dilihat semula pada pencapaian tahun 2024. 14.6.1.3 Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2023 Mesyuarat mengambil maklum berhubung Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2023 sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 6.1 (c), serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil perhatian sebanyak 26 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Utama meliputi 8 Pra Siswazah, 12 Siswazah dan 6 Penyelidikan dan Inovasi, di mana maklumbalas keseluruhan adalah 23 Piagam Pelanggan dapat dicapai manakala 3 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai; (b) mengambil perhatian 3 Piagam Pelanggan Proses Utama yang tidak dicapai telah dikenal pasti punca penyebab dan telah diambil tindakan pembetulan oleh peneraju bagi memastikan ia tidak berulang dan dapat mencapai sasaran pada tahun 2024. Maklumat terperinci adalah seperti pada Lampiran B; (c) mengambil perhatian sebanyak 126 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Operasi dan Sokongan dengan 115 Piagam Pelanggan dapat dicapai, manakala sebanyak 11 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai; (d) mengambil maklum Piagam Pelanggan Proses Operasi dan Sokongan yang tidak tercapai telah dikenal pasti punca penyebab dan telah diambil tindakan oleh setiap peneraju yang berkenaan bagi memastikan ia tidak berulang dan dapat mencapai sasaran pada tahun 2024. Maklumat terperinci adalah seperti pada Lampiran C; 14.6.1.4 Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2023 Mesyuarat: (a) mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat tahun 2023 yang telah dibentangkan oleh Timbalan	Makluman Makluman Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN				TINDAKAN/ MAKLUMAN
	Wakil Pengurusan ISMS adalah seperti pada Lampiran Kertas Agenda 6.1 (d); (b) mengambil maklum kesemua enam (6) Objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2023 mencapai sasaran berdasarkan skala liekert yang ditetapkan iaitu:				Makluman
	Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran	Pencapaian	
	1.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa prsoes pendaftaran	80%	Capai sasaran - 97.9% (Pelajar Bacerlor) (UPM Serdang & Bintulu) Capai sasaran - 97.0% (Pelajar Diploma) (UPM Bintulu)	
	2.	Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Capai sasaran - 100% (Sesi pendaftaran pelajar baharu Diploma dan Bacerlor Tahun 2023)	
	3.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%	Capai sasaran - 100% (sistem berfungsi dengan baik sepanjang tempoh penilaian pengajaran Bacerlor Tahun 2023)	
	4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Capai sasaran - 82.01% (berdasarkan Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah)	
	5.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Capai sasaran - 86.0% (Semester Pertama 2023/2024) Capai sasaran - 89.0% (Trimester 2023/2024) Capai sasaran- 83.0% (Semester Kedua 2023/2024)	
	6.	Memastikan ketersediaan aplikasi iGIMS dan PutraENROLL untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Capai sasaran - 99.10% (Ketersediaan aplikasi iGIMS) Capai sasaran - 99.22% (Ketersediaan aplikasi PutraENROLL)	

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
